



21 Jun 2017
21 June 2017
P.U. (A) 185

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN
PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) (NO. 2) 2017

*ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS
VEHICLES) (NO. 2) RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN
KENDERAAN BARANGAN) (NO. 2) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) (No. 2) 2017**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 23 Jun 2017.

Larangan

2. (1) Pemanduan mana-mana jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 23 dan 24 Jun 2017 dan 1 dan 2 Julai 2017 pada masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

(2) Larangan dalam subkaedah (1) tidak terpakai bagi jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Walau apa pun larangan dalam subkaedah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama daripada larangan itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL PERTAMA

[Subkaedah 2(1)]

(1)

(2)

Jenis Kenderaan Barangan

Masa Larangan

- | | |
|---|--|
| <p>(a) Lori pengangkut rendah, lori balak, lori pembancuh simen, lori jongket dan lori yang mengangkut simen, besi, keluli, batu, pasir, tanah dan bahan binaan yang lain</p> | <p>sepanjang masa</p> |
| <p>(b) Jentera berat beroda, traktor dan trak tunda</p> | <p>sepanjang masa</p> |
| <p>(c) Lori yang mengangkut amang, bijih timah, arang batu dan bahan galian yang lain</p> | <p>sepanjang masa</p> |
| <p>(d) Lori pembawa yang mengangkut kenderaan motor yang berat dengan muatannya melebihi 5,000 kg</p> | <p>sepanjang masa</p> |
| <p>(e) Lori kontena atau kargo yang mengangkut barangan elektronik atau elektrik</p> | <p>dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi</p> |
| <p>(f) Kren bergerak</p> | <p>dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi di dalam kawasan Lembah Klang, Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (25 km dari tapak pembinaan) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu</p> |

JADUAL KEDUA

[Subkaedah 2(2)]

1. Lori yang mengangkut gas dan kimia bagi bekalan perubatan dan industri kimia
2. Lori kontena atau kargo yang mengangkut barangan dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan industri dan sebaliknya
3. Lori kargo yang mengangkut—
 - (a) makanan dan minuman dari kilang, buah-buahan, sayur-sayuran dan barangan keperluan harian yang lain;
 - (b) kelapa sawit, produk kelapa sawit, getah sekerap, susu getah dan bahan mentah yang lain;
 - (c) barang runcit, surat khabar, ternakan dan kotak
4. Lori mengangkut sampah dan kumbahan
5. Kenderaan barangan yang berat dengan muatannya tidak melebihi 5,000 kg atau kenderaan barangan tanpa muatan yang dalam perjalanan pulang
6. Lori kontena atau kargo yang berulang-alik di antara terminal dalam kawasan pelabuhan
7. Lori kontena atau kargo yang berulang-alik—
 - (a) dari pelabuhan ke gudang dan sebaliknya; atau
 - (b) dalam kawasan perindustrian yang berhampiran dengan pelabuhan